



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 09 JANUARI 2025 (KHAMIS)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK MBPJ MBSA DBKL	• FREE HEALTH SCREENING FOR PANDAMARAN FOLK • PJ MAYOR'S ANTI-CORRUPTION PLEDGE • CAR-FREE DAY • JINJANG SQUATTERS FACE EVICTION, WANT TO MEET AUTHORITIES
2.	SINAR HARIAN	DBKL	• DBKLROBOH 11 STRUKTUR HARAM ATAS RIZAB JALAN
3.	HARIAN METRO	DBKL	• ROBOH STRUKTUR HARAM 9 PREMIS

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• RM11 JUTA PERKASA EKONOMI KOMUNITI BANDAR 2025 • PROSEDUR PENGUATKUASAAN PENGURUSAN E-WASTE DITINGKATKAN • KILANG E-WASTE BUANG SISA SECARA HARAM • KERAJAAN LAKSANA LANGKAH LEBIH BERKESAN TANGANI PENIPUAN DALAM TALIAN • 78 JUTA PEKERJAAN BAHARU DICIPTA PADA 2030 • PASTIKAN REFORMASI INSTITUSI LEBIH TELUS, BEBAS RASUAH • EKONOMI MALAYSIA KEKAL BERDAYA TAHAN
2.	KOSMO	• PEMBAKARAN TERBUKA BAWA MALAPETAKA
3.	BERITA HARIAN	• PENGURUSAN E-WASTE, SOP PENGUATKUASAAN DIPERKASA • NGO GAGAL LAKSANA PROGRAM PEKB DISENARAI HITAM • DIDIK KANAK-KANAK HARGAI ALAM SEKITAR PENERUS KEHIDUPAN LESTARI
4.	UTUSAN MALAYSIA	• LANGKAH PROGRESIF PENDIGITALAN MAJUKAN PERKHIDMATAN AWAM • NEGARA MAMPU SEDIA GRADUAN BERKEMAHIRAN TEKNOLOGI, TEKNIKAL • PERKASA KESELAMATAN DALAM NEGERI UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT • LHDN PERKENAL SISTEM BAHARU POTONG CUKAI • MINAT MEMBELI PADA 2025 KEKAL SIHAT, POSITIF
5.	NEW STRAITS TIMES	• HEAPS OF ILLEGAL E-WASTE WORRY
6.	THE SUN	• OPEN PUBLIC PARKS UNTIL LATE TO PROMOTE HEALTHY LIFESTYLE



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 09 JANUARI 2025 (KHAMIS)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK MBPJ MBSA DBKL	• FREE HEALTH SCREENING FOR PANDAMARAN FOLK • PJ MAYOR'S ANTI-CORRUPTION PLEDGE • CAR-FREE DAY • JINJANG SQUATTERS FACE EVICTION, WANT TO MEET AUTHORITIES
2.	SINAR HARIAN	DBKL	• DBKLROBOH 11 STRUKTUR HARAM ATAS RIZAB JALAN
3.	HARIAN METRO	DBKL	• ROBOH STRUKTUR HARAM 9 PREMIS

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• RM11 JUTA PERKASA EKONOMI KOMUNITI BANDAR 2025 • PROSEDUR PENGUATKUASAAN PENGURUSAN E-WASTE DITINGKATKAN • KILANG E-WASTE BUANG SISA SECARA HARAM • KERAJAAN LAKSANA LANGKAH LEBIH BERKESAN TANGANI PENIPUAN DALAM TALIAN • 78 JUTA PEKERJAAN BAHARU DICIPTA PADA 2030 • PASTIKAN REFORMASI INSTITUSI LEBIH TELUS, BEBAS RASUAH • EKONOMI MALAYSIA KEKAL BERDAYA TAHAN
2.	KOSMO	• PEMBAKARAN TERBUKA BAWA MALAPETAKA
3.	BERITA HARIAN	• PENGURUSAN E-WASTE, SOP PENGUATKUASAAN DIPERKASA • NGO GAGAL LAKSANA PROGRAM PEKB DISENARAI HITAM • DIDIK KANAK-KANAK HARGAI ALAM SEKITAR PENERUS KEHIDUPAN LESTARI
4.	UTUSAN MALAYSIA	• LANGKAH PROGRESIF PENDIGITALAN MAJUKAN PERKHIDMATAN AWAM • NEGARA MAMPU SEDIA GRADUAN BERKEMAHIRAN TEKNOLOGI, TEKNIKAL • PERKASA KESELAMATAN DALAM NEGERI UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT • LHDN PERKENAL SISTEM BAHARU POTONG CUKAI • MINAT MEMBELI PADA 2025 KEKAL SIHAT, POSITIF
5.	NEW STRAITS TIMES	• HEAPS OF ILLEGAL E-WASTE WORRY
6.	THE SUN	• OPEN PUBLIC PARKS UNTIL LATE TO PROMOTE HEALTHY LIFESTYLE



Thila (second from left) and Dr AL Liza (to her left) speaking to a blood donor during the Medical and Health Camp. The camp featured a variety of health services including body mass index assessment (left). — Photos: RAJA FAISAL HISHAN/The Star

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

AN ESTIMATED 250 residents of Pandamaran in Klang, Selangor, received free medical screening at a Medical and Health Camp.

Rotary Club of Pandamaran (RCP) District 3300 organised the one-day camp in collaboration with Tengku Ampuan Rahimah Hospital's Blood Bank, Bukit Tinggi Medical Centre, Klang District Health Office (PKD), Pandamaran Health Clinic and Klang Royal City Council.

Pandamaran assemblyman Tony Leong Tuck Chee said the event had helped to identify non-communicable diseases among locals who took part.

"Medical personnel also gave free consultation on healthy lifestyle practices. With early detection of a disease, treatment can start early too."

"We want people to prioritise their health," he said.

Leong said the event, from 9am to 3pm, was an admirable initiative as it aimed to provide free health care services to all, especially senior residents.

"I noticed there was a dedicated team of healthcare professionals who are committed in delivering personalised care, focused on well-being and long-term health."

"There were routine check-ups for non-communicable diseases and a wide range of services designed to help people achieve optimal health," he said.

Leong, who released 10 Society finches (*lonchura striata domestica*) to mark the event, added that medical and health camps organised by non-governmental organisations helped the

Free health screening for Pandamaran folk

Medical camp offers assessments, treatments, clinic referrals



(Above) Leong releasing finches to mark the medical camp organised by Rotary Club Pandamaran District 3300. (Right) A visitor taking part in a health assessment provided at the event.

government motivate the people to maintain good health.

Senior citizen Chiam Cho Cho, 75, said the medical camp had benefited her as she was able to get an overall medical check-up done without the hassle of going to a government clinic in Klang town.

The programme brought together many volunteers,

including doctors – general practitioners and specialists – counsellors, Rotarians and Rotaractors.

RCP District 3300 charter president Thila Pillai said the primary aim of the camp was to create health awareness while providing screening for non-communicable diseases among those from the lower income strata.

The medical volunteers were also able to offer medical consultation and treatment for common conditions.

Patients who needed further investigations, or regular follow-ups and treatments were provided referral letters to government health facilities.

The medical camp also included screening for diabetes, blood

pressure and hypertension as well as optometry, body mass index and mental health assessments.

Klang PKD medical consultant Dr AL Liza Abd Latip said the medical camp was aimed at encouraging and empowering the community to prioritise their physical health and mental well-being.

THE STAR

Tarikh: 09 JAN 2025

PJ mayor's anti-corruption pledge

City council also launches policy book to strengthen public service reform

PETALING Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon led his city council workforce in reciting the corruption-free pledge at its Integrity Day and Anti-Corruption Day ceremony.

Some 500 Petaling Jaya City Council (MBPJ) employees gathered at the event themed "Strong Integrity, Strong Nation" (*Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi*). Mohamad Zahri also signed a corruption-free pledge on behalf of the city council during the event at the MBPJ banquet hall in Menara MBPJ on Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya in Selangor.

The recitation and signing were witnessed by Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Selangor director Datuk Alias Salim.

In his speech, Mohamad Zahri said the pledge was recited not only in response to the call to combat corruption, but it also served as a reminder for civil servants to carry out their duties with full integrity.



Mohamad Zahri leading MBPJ staff in reciting the corruption-free pledge. With him are (from left) MBPJ Integrity Unit senior assistant director Nor'ain Adam, councillor Ahmad Akhir Pawan Chik and Alias.

The event is organised yearly by MBPJ as part of its efforts to curb and eliminate corruption, fraud, abuse of power as well as

nepotism and cronyism.

"The event also saw the official launch of MBPJ's Anti-Corruption Policy Book, which is

aimed at strengthening public service reform," its Corporate Communications Unit said in a media statement.

"This initiative was taken to enhance the efficiency of civil servants and build trust in the government.

"The policy book symbolises MBPJ's efforts to ensure the implementation of strong governance and integrity elements in its administration.

"It also reflects MBPJ's full commitment to the National Anti-Corruption Strategy and the Organisational Anti-Corruption Plan, as well as fulfilling requirements for the ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System certification by Sirim QAS International."

In line with efforts towards the digitalisation of council services, MBPJ has developed and unveiled its Integrity Management and Complaints System.

"This system was designed to ensure public complaints related to misconduct by MBPJ staff are

managed more efficiently while guaranteeing the confidentiality of whistleblowers," said the statement.

"Through this platform, the officers involved can record, manage and take follow-up action on integrity complaints more quickly and effectively."

The event also saw the introduction of MBPJ Integrity Icon Award 2024.

Ainul Farhiah Abdul Wahab, a librarian and MBPJ's Knowledge Resources Division senior assistant director, won the inaugural award and received a cash prize of RM1,000.

The award was based on criteria such as having no records of misconduct throughout the 2023-2024 evaluation period, active participation in integrity strengthening programmes, and significant contributions to the city council.

The event ended with a forum held to broaden participants' understanding of the importance of integrity in the public sector.

THE STAR

Tarikh: 09 JAN 2025

WASTE COLLECTION

In conjunction with Chinese New Year, Petaling Jaya City Council is arranging for bulk waste collection as spring cleaning efforts get underway. The public can leave bulk waste in front of their houses for collection before 10am. For details, call Kamarudin at 013-602 2410. The collection schedule is as follows:

- > Jan 11 at BU7, BU10, Bandar Utama PJU 6, SS1;
- > Jan 12 at BU6, Bandar Utama PJU6, Section 17, Section 10 (POLO), Kota Damansara PJU5.
- > Jan 18 at PJU1 Kampung Cempaka, SS25, BU11, Bandar Utama PJU6.
- > Jan 19 at Section 9, Lorong Utara, Kota Damansara Section 5 (Sepah Puteri), Kota Damansara PJU 5, BU12, Bandar Utama PJU 6.

TRAFFIC MATTERS

Jalan Persiaran Akuatik in Section 12, Shah Alam, is closed until Feb 14 to facilitate public sewerage system repair works.

CAR-FREE DAY

> Shah Alam City Council (MBSA) is hosting a car-free Day on Jan 12 at Dataran Kemerdekaan, from 7am to 11.30am. Activities such as cycling, bazaar, craft activities and free health checks will take place. MBSA will be closing Persiaran Bandaraya (Dataran Kemerdekaan), Persiaran / Perbandaran, Persiaran Tasik, Persiaran Masjid, Persiaran Dato' Menteri and Persiaran Damai from 6.30am-9.30am for the event.

THE STAR

09 JAN 2025

Tarikh:.....

Jinjang squatters face eviction, want to meet authorities

By MEGAT SYAHAR
megatsyahr@thestar.com.my

SQUATTERS residing along Jalan 11/32 in Taman Jinjang Baru, Kuala Lumpur, who have been served eviction notices want a meeting with the authorities to seek a resolution to their predicament.

On Nov 14 last year, 60 households at Lot 53696 were served notices from Department of the Director General of Lands and Mines (JKPTG) to vacate government-owned land.

They were given 30 days to move and remove the illegal structures or face charges under Section 425(1) and 425(2) of

National Land Code (Act 828).

Those found guilty face a maximum fine of RM500,000 or up to five years' jail, or both.

More than 30 residents gathered at a press conference at the lot on Sunday to urge Kuala Lumpur City Hall (DBKL) and JKPTG to address their concerns after receiving the eviction notices.

They want the authorities to offer them units at public housing projects.

Social activist Yee Poh Ping, who was present, said these squatters should have been relocated to flats under People's Housing Project (PPR).

He said the issue of squatters

living on Federal Government land had been brought up as far back as 25 years ago by DBKL during the development of various PPR projects in areas like Jinjang, Kepong, Kampung Batu, Batu Muda and Pekan Kepong.

"This issue of squatters was raised during the construction of many PPR projects in these areas, but the authorities have not taken serious action to resolve the situation to relocate the squatters.

"The squatters in Taman Jinjang Baru have been here longer than DBKL has been around, over 60 years.

"City Hall has not fulfilled its duty to ensure the welfare of all

Kuala Lumpur residents, despite programmes such as the Sifar Setinggan which was meant to resolve the squatter issue," said Yee.


A 58-year-old resident, who did not wish to be named, said that residents had previously raised the issue with JKPTG regarding the land and their hopes to be offered alternate housing.

However, he claimed that officials from JKPTG said it fell under DBKL's jurisdiction while DBKL referred them back to JKPTG, thus leaving residents in a quandary.

At press time, DBKL had not responded to requests for comment.



Squatters from Lot 53696 in Taman Jinjang Baru want authorities to meet them to resolve their housing issue. — Photos: ART CHEN/The Star



Yee says the squatters have been at the location for more than 60 years.

THE STAR

Tarikh: 09 JAN 2025

DBKL roboh 11 struktur haram atas rizab jalan



Antara premis yang diambil tindakan kerana membina struktur tambahan tanpa kebenaran.

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan terhadap 11 premis yang membina struktur tambahan hingga menutup longkang dan laluan awam.

Penguatkuasaan itu dilakukan menerusi operasi bersepadu roboh struktur haram di rizab jalan awam di sekitar kawasan Bukit Bintang.

DBKL memaklumkan, sembilan daripada struktur itu dirobohkan DBKL sementara dua yang lain membuka sendiri binaan tersebut.

Selain itu katanya, sebanyak tujuh kes sitaan serta-merta turut dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Kesemua sisa struktur yang dirobohkan dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi.

"Sementara kesemua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi," katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Katanya, DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

SINAR HARIAN
Tarikh: 09 JAN 2025

RM11 juta perkasa ekonomi komuniti bandar 2025

8A 9/1
PUTRAJAYA - Sejumlah RM11 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program Pemerdayaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) 2025 yang dijangka memanfaatkan 1,060 peserta daripada golongan B40, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu.



AIMAN ATHIRAH

Beliau berkata, bagi menjayakan PEBK 2025, sebanyak 29 badan bukan kerajaan (NGO) pelaksana telah dipertanggungjawabkan untuk melatih peserta PEBK bagi memastikan setiap daripada mereka menerima latihan keusahawanan yang berkualiti tinggi sehingga dapat mengusahakan perniagaan sendiri.

"Lebih 90 NGO memohon untuk menyertai PEBK, namun kelulusan peruntukan diberi kepada 29 NGO sahaja.

"Mana-mana NGO yang telah diberikan peruntukan, mereka perlu memastikan dalam tempoh enam bulan latihan yang diberikan kepada peserta PEBK ini akan dapat meningkatkan pendapatan hingga RM750, iaitu sekurang-kurangnya melebihi paras garis kemiskinan pada masa ini sebanyak RM747," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Pelaksanaan Program PEBK Tahun 2025 di sini pada Rabu.

PEKB atau sebelum ini dikenali sebagai Program Azam Bandar ialah program tahunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diperkenalkan sejak 2013, iaitu peserta akan menjalani kursus selama seminggu merangkumi kemahiran dan ilmu keusahawanan serta akan diberi kelengkapan dan peralatan yang diperlukan untuk memulakan atau mengembangkan bidang kemahiran yang dipilih. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh:0.9.JAN.2025.....

Prosedur penguatkuasaan pengurusan e-waste ditingkatkan

84 9/1

PUTRAJAYA - Pemantapan Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP) dan pengukuhan prosedur operasi standard berkaitan pengurusan e-waste akan ditambah baik.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, langkah berkenaan selaras dengan tanggungjawab di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) bertujuan meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan di samping memperkukuh integriti dan profesionalisme dalam usaha melindungi alam sekitar.

"Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memandang serius laporan siasatan yang dikeluarkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

"Sebagai tambahan, kementerian menegaskan usaha ini melibatkan penambahbaikan menyeluruh terhadap prosedur dan garis panduan operasi yang meliputi aspek pemantauan, penguatkuasaan, dan penyiasatan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Ia sebagai maklum balas kepada laporan EAIC pada 6 Januari lepas yang mendedahkan terdapat cubaan daripada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk melepaskan kontena mengandungi sisa elektronik atau e-waste di Pelabuhan Klang.

Menurut EAIC, pihaknya menerima maklumat awal mengenai kemungkinan salah laku berkenaan sekitar Mei 2024 dan telah menubuhkan sebuah pasukan petugas selaras dengan Seksyen 17 Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) untuk menyiasat dakwaan itu.

NRES melalui JAS turut menekankan kawalan ketat terhadap kemasukan e-waste ke Malaysia dan dilaksanakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta 127 serta selaras dengan peraturan antarabangsa seperti Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusan.

"Langkah kawalan ini termasuk pemeriksaan ketat di pintu masuk negara, kerjasama strategik dengan agensi berkaitan dan penggunaan teknologi pemantauan terkini bagi memastikan tiada kemasukan e-waste yang boleh menjejaskan alam sekitar atau kesihatan awam.

"NRES kekal komited melaksanakan inisiatif ini sebagai sebahagian usaha memastikan pengurusan buangan yang mampan dan bertanggungjawab demi kelestarian alam sekitar negara," jelasnya. - *Bernama*



NIK NAZMI

SINAR HARIAN

Tarikh: **09 JAN 2025**

Kilang e-waste buang sisa secara haram

Polis, JAS gempur kilang sisa elektronik tanpa lesen, rekod sitaan RM21.6 juta

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM 8/1 9/1

Polis menggempur sebuah kilang dipercayai memproses sampah elektronik atau e-waste secara haram di Sungai Kandis di sini pada Selasa.

Serbuhan bermula jam 8.30 malam dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor hasil maklumat mengenai aktiviti pengurusan sisa haram yang menjejaskan alam sekitar dan kesihatan awam.

Komander PSP Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Rosli Md Yusof berkata, operasi khas yang diketuai Pegawai Penyelaras Risikan PSP, Superintenden Mohd Fadhi Faud dan Deputi Superintenden Mohd Fakir Fauzi bertindak membuat sitaan bernilai RM21.6 juta.

Katanya, sitaan antaranya melibatkan mesin pyrolysis, bateri terpakai, kabel, komponen komputer, tayar terpakai dan alu-



Antara sisa elektronik yang disita di sebuah kilang di Sungai Kandis, Shah Alam, Selangor pada Selasa.

minium.

"Seramai 19 individu warga China, Myanmar dan Bangladesh berusia 25 hingga 45 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Tangkapan itu dibuat mengikut Seksyen 6(1)(c) dan 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tinggal tanpa permit sah dan melebihi tempoh yang dibenarkan," katanya pada Rabu.

Beliau berkata, kesemua tangkapan diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam bagi siasatan lanjut.

Tambahnya, premis terbabit

dipercayai beroperasi tanpa lesen sah dan melanggar beberapa peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Menurutnya, operasi ini membuktikan komitmen pihak berkuasa dalam memastikan undang-undang dipatuhi dan kelestarian alam sekitar terjamin.

"Orang ramai diminta terus bekerjasama melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan melibatkan pencemaran atau e-waste bagi tindakan lanjut," jelasnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:0.9..JAN.2025.....

Kerajaan laksana langkah lebih berkesan tangani penipuan dalam talian

84
9/1
KUALA LUMPUR - Kerajaan akan mengkaji strategi untuk masa depan dan melaksanakan langkah lebih berkesan bagi menangani isu penipuan atau scam dalam talian.

Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching berkata, menerusi kewujudan Portal Anti-Penipuan Kebangsaan dan kerjasama semua pihak berkepentingan, kerajaan juga akan terus mengambil tindakan tegas untuk membanteras jenayah scam.

"Langkah seperti peralihan daripada penggunaan OTP (kata laluan sekali guna) berasaskan SMS (khidmat pesanan ringkas), pengetatan peraturan pengesahan dan penubuhan talian khas untuk melaporkan penipuan kewangan telah memberikan hasil yang positif.

"Namun, masih banyak lagi yang perlu dilakukan," katanya dalam



FOTO: FACEBOOK: TEO NIE CHING

Nie Ching (tiga dari kanan) mengadakan pertemuan bersama Hui Ying (empat dari kanan) dan wakil SKMM serta BNM pada Selasa.

catatan di Facebook.

Nie Ching berkata, isu mengenai penipuan dalam talian yang semakin berleluasa telah dibincangkan dalam pertemuannya bersama Timbalan

Menteri Kewangan, Lim Hui Ying pada Selasa yang turut disertai wakil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Bank Negara Malaysia. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 09 JAN 2025

78 juta pekerjaan baharu dicipta pada 2030

92 juta pekerjaan akan terjejas, peningkatan kemahiran diperlukan segera - WEF

KUALA LUMPUR

9/1

Kira-kira 170 peranan baharu dijangka diwujudkan dan 92 juta pekerjaan akan terjejas menjelang 2030 selain menghasilkan peningkatan bersih sebanyak 78 juta pekerjaan baharu, menurut Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Laporan *The Future of Jobs Report 2025* yang diterbitkan pada Rabu oleh WEF mengambil data daripada lebih 1,000 syarikat.

Laporan itu berkata, kemajuan teknologi, perubahan demografi, ketegangan geoekonomi dan tekanan ekonomi adalah pemicu utama terhadap perubahan ini yang mengubah semula industri dan profesion di seluruh dunia.

Sementara itu, Ketua Kerja, Upah dan Penciptaan Pekerjaan WEF, Till Leopold dalam satu kenyataan berkata, aliran seperti kecerdasan buatan (AI) generatif dan anjakan teknologi yang pesat sedang mengubah industri serta pasaran buruh selain mewujudkan peluang yang belum pernah berlaku selain risiko yang mendalam.

"Masanya sudah tiba untuk per-



Hampir 40 peratus kemahiran diperlukan dalam pekerjaan dijangka berubah dan 63 peratus majikan sudah menyatakannya sebagai halangan utama.

niagaan dan kerajaan bekerjasama, melabur dalam kemahiran dan membina tenaga kerja global yang adil serta tahan lasak," katanya.

Laporan itu berkata, jurang kemahiran juga terus menjadi halangan paling ketara terhadap perubahan perniagaan hari ini.

Hampir 40 peratus kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan dijangka berubah dan 63 peratus majikan sudah menyatakannya sebagai halangan utama yang mereka akan hadapi.

"Kemahiran teknologi dalam AI, data besar dan keselamatan siber dijangka mengalami pertumbuhan pesat dalam permintaan, tetapi kemahiran manusia seperti pemikiran kreatif, ketahanan, fleksibiliti dan ke-

tangkasan akan terus menjadi kritikal.

"Gabungan kedua-dua jenis kemahiran ini akan semakin penting dalam pasaran pekerjaan yang pantas berubah," katanya.

WEF berkata, peranan barisan hadapan dan sektor penting seperti penjagaan dan pendidikan ditetapkan mengalami pertumbuhan pekerjaan tertinggi menjelang 2030.

Kemajuan dalam AI dan tenaga boleh baharu sedang mengubah pasaran, kata laporan itu.

Sehubungan itu, kata WEF, ia mendorong peningkatan permintaan untuk banyak peranan teknologi atau pakar dan pada masa yang sama menyebabkan penurunan bagi beberapa peranan lain termasuk pereka grafik.

- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 09 JAN 2025

Rasuah Busters, CSO
perkuh kerjasama,
rangka gerak kerja 2025

Oleh AZLEENDA SAHALUDIN
SHAH ALAM

Pastikan reformasi institusi lebih telus, bebas rasuah

Rasuah Busters terus memperkuh kerjasama dengan rakan gabungan organisasi masyarakat sivil (CSO) dan Komang dengan merangka gerak kerja aktiviti sepanjang tahun 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (#RasuahBusters), Nurhayati Nordin berkata, antara perkara yang akan dilaksanakan adalah melibatkan inisiatif perubahan institusi negara yang penting untuk memperkasakan sistem perundangan di Malaysia.

Tegasnya, usaha berkenaan selaras dengan tujuan penubuhan Rasuah Busters dalam memastikan reformasi institusi yang lebih telus dan bebas daripada rasuah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Saya percaya ini adalah satu kelebihan untuk kedua-dua pihak supaya kerjasama yang terjalin menjadi lebih luas dan dapat menyampaikan kepada masyarakat tentang kepentingan perubahan atau reformasi institusi dalam negara.

"Ini juga adalah tanggungjawab yang dipikul oleh Rasuah Busters dan rakan-rakan gabungan supaya perubahan ne-

gara benar-benar berlaku serta bebas daripada rasuah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Tambahnya, perbincangan bersama rakan gabungan tidak hanya tertumpu kepada agenda reformasi institusi tetapi turut melibatkan pelbagai perkara lain seperti soal kemanusiaan.

Sementara itu, Pengurus Operasi dan Kewangan CSO (Hak Asasi Manusia), Faribel Maglin Fernandez berkata, kepentingan kerjasama berterusan antara kedua-dua pihak diharap dapat memperjuangkan isu-isu melibatkan perubahan dalam negara.

"Harapan saya agar jalinan kerjasama ini berpanjangan. Masalah yang melibatkan reformasi institusi bukanlah sesuatu yang dapat diselesaikan dalam tempoh dua tahun sahaja.

"Kita perlu membina hubungan yang kukuh untuk memastikan perubahan yang menyeluruh," ujarnya.

Jelasnya, antara perkara lain yang dibangkitkan ialah melibatkan hak Orang Asli serta masyarakat di Sabah dan Sarawak yang sering kali berhadapan dengan masalah pemilikan tanah serta



Nurhayati (dua dari kanan) bergambar bersama Faribel (tengah) pada pertemuan di Kompleks Kumpulan Karangkrif, Shah Alam pada Selasa.

pencerobohan.

Faribel menegaskan, pihaknya bukan menentang pembangunan tetapi hanya

mahu pembangunan yang lebih lestari dan tidak merugikan komuniti-komuniti yang terlibat.

SINAR HARIAN
09 JAN 2025
Tarikh:



Dijangka catat
pertumbuhan kukuh
tahun ini

KUALA LUMPUR

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan kukuh tahun ini, didorong oleh permintaan domestik yang baik, aktiviti pelaburan rancak dan pertumbuhan dalam eksport serta pelancongan walaupun terdapat potensi ketidaktentuan global, menurut Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM).

Presidennya, Tan Sri Soh Thian Lai berkata, pada suku kedua dan suku ketiga 2024, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, masing-masing meningkat kepada

5.9 peratus serta 5.3 peratus.

Menurutnya, pertumbuhan KDNK negara diunjurkan antara 4.5 peratus dan 5.0 peratus pada tahun ini.

"Bagaimanapun, masih ada risiko termasuk pemulihan yang perlahan di China, potensi perubahan dalam dasar Amerika Syarikat (AS), turun naik harga komoditi global dan tekanan inflasi domestik," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Dalam pada itu, jelas beliau, eksport dijangka terus mencatatkan prestasi baik tahun ini, dengan sektor utama seperti elektrik dan elektronik, semikonduktor, minyak sawit, jentera serta bahan kimia memacu peningkatan tersebut.

Menurutnya, impak daripada potensi tarif AS terhadap eksport Malaysia dijangka terhad berdasarkan data sebelum ini.

"Bagaimanapun, inflasi dijangka

meningkat kepada kira-kira 3.0 peratus pada 2025, dipengaruhi oleh faktor domestik seperti kenaikan gaji minimum, perubahan dalam caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pekerja asing, lanjutan cukai jualan dan perkhidmatan serta langkah rasionalisasi subsidi.

"Namun, inflasi dijangka kekal dalam julat sasaran Kementerian Kewangan pada 2.0 hingga 3.5 peratus," katanya.

Beliau turut menjangka ringgit kekal kukuh pada 2025, disokong oleh permintaan domestik kukuh dan sektor pelancongan yang bertambah baik.

"Faktor seperti penurunan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS, perubahan dalam penawaran tenaga kerja dan inflasi akan mempengaruhi pengukuhan mata wang," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN
09 JAN 2025

Tarikh:

Pembakaran terbuka bawa malapetaka

SELEPAS hujan, ramai individu menganggap cuaca lembap sesuai untuk melakukan pembakaran terbuka.

Namun, tindakan ini dilihat membawa risiko besar kepada kesihatan dan alam sekitar.

Walaupun hujan membersihkan udara, pembakaran terbuka akan menghasilkan asap tebal yang mengandungi zarah berbahaya seperti karbon monoksida, nitrogen oksida dan zarah halus.

Zarah ini boleh menyumbang kepada masalah kesihatan seperti asma dan bronkitis.

Jangkitan saluran pernafasan terutama kepada golongan rentan seperti kanak-kanak dan warga emas.

Selain daripada masalah kesihatan, ia juga memberi kesan terhadap pencemaran tanah dan air.

Pada tahun lalu, bagi tempoh Januari hingga Mac, sebanyak 1,594 kes pembakaran terbuka direkodkan di Malaysia.

Selangor tertinggi dengan 323 kes, diikuti Melaka (192), Johor (189), Pulau Pinang (159), Kuala Lumpur (143), Perak (112), Kedah (105), Negeri Sembilan (70), Sabah (64), Pahang (59), Kelantan (55), Sarawak (51), Terengganu (40), Perlis (28) dan Labuan (empat).

Pada tahun ini, adakah kita ingin melihat jumlah



Analisis Semasa

Bersama
**MUHAMMAD
NAJIB AHMAD
FUAD**

“

Pembakaran terbuka boleh menyebabkan bahan kimia beracun masuk ke dalam tanah dan sumber air, mencemarkan ekosistem tempatan.”

pembakaran terbuka ini terus kekal pada kedudukan tinggi seperti itu?

Jadi penting bagi kita untuk terus menanam sifat sayangi alam sekitar dengan tidak melakukan pembakaran terbuka yang boleh menyumbang kepada pencemaran udara.

Pakar Alam Sekitar, Prof. Dr. Ahmad Ismail berkata, pembakaran terbuka boleh menyebabkan bahan kimia beracun masuk ke dalam tanah dan sumber air serta

mencemarkan ekosistem tempatan.

“Abu dan bahan-bahan lain yang terbentuk boleh mencemarkan aliran air hujan, membawa toksin ke sungai dan tasik.

“Walaupun tanah basah selepas hujan, pembakaran terbuka masih boleh mencetuskan kebakaran, terutama jika angin membawa bara api ke kawasan kering,” katanya kepada Kosmo!

Jelasnya, kesan daripada itu mampu membahayakan harta benda dan nyawa penduduk.

Bagi penulis untuk mengurangkan keperluan membakar sampah kita harus mengamalkan beberapa langkah bijak antaranya pengkomposan iaitu tukarkan sisa organik menjadi baja semula jadi.

Selain itu, amalkan amalan kitar semula dengan memisahkan bahan yang boleh dikitar semula seperti plastik, kaca dan logam.

Orang ramai juga boleh melaksanakan pembuangan terkawal iaitu gunakan perkhidmatan pembuangan sampah yang disediakan pihak berkuasa tempatan.

Penulis menyeru agar masyarakat mengutamakan amalan yang mesra alam demi kesihatan dan kelestarian alam sekitar.

KOSMO

Tarikh: 09 JAN 2025

lokal



ANTARA premis yang terlibat dalam operasi bersepadu DBKL merobohkan struktur haram di rizab jalan awam sekitar Kuala Lumpur.

Roboh struktur haram 9 premis

DBKL laksana operasi bersepadu roboh binaan halang laluan awam, tutup longkang di sekitar Kuala Lumpur

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Penguatkuasaan melaksanakan operasi bersepadu merobohkan struktur haram di rizab jalan awam di sekitar kawasan Bukit Bintang, di sini, Isnin lalu.

Operasi dijalankan bersama beberapa agensi termasuk Polis Diraja Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor, Perbadanan Pe-



STRUKTUR haram di laluan pejalan kaki dirobuhkan.

ngurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Alam Flora Sdn Bhd.

DBKL menerusi hantaran di Facebook semalam memaklumkan hasil daripada operasi itu, sebanyak

sembilan unit premis yang membina struktur tambahan hingga menutup longkang dan laluan awam dirobuhkan.

Katanya, sebanyak dua lagi premis didapati sudah

membuka struktur tambahan yang dibina itu sendiri.

"Selain itu, sebanyak tujuh kes sitaan serta-merta dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Semua sisa struktur yang dirobuhkan telah dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi dijalankan," katanya.

Menurutnya, semua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

HARIAN METRO

Tarikh: ...0.9.JAN.2025...

Pengurusan e-waste, SOP penguatkuasaan diperkasa

Putrajaya: Pemantapan Arah Tindakan Operasi Penguatkuasaan (ATOP) dan pengukuhan prosedur operasi standard berkaitan pengurusan *e-waste* akan ditambah baik, menurut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau berkata langkah berkenaan selaras dengan tanggungjawab mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) bertujuan meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan di samping memperkukuh integriti dan profesionalisme dalam usaha melindungi alam sekitar.

"Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memandang serius laporan sia-satan yang dikeluarkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

"Sebagai tambahan, kementerian menegaskan usaha ini membabitkan penambahbaikan menyeluruh terhadap prosedur dan garis panduan operasi yang meliputi aspek pemantauan, penguatkuasaan dan penyiasatan," katanya dalam kenyataan kepada media, semalam.

Ia sebagai maklum balas kepada laporan EAIC pada Isnin lalu yang mendedahkan terdapat cubaan daripada pegawai

Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk melepaskan kontena mengandungi sampah elektronik atau *e-waste* di Pelabuhan Klang.

Maklumat salah laku

Menurut EAIC, pihaknya menerima maklumat awal mengenai kemungkinan salah laku berkenaan sekitar Mei 2024 dan telah menubuhkan sebuah pasukan petugas selaras dengan Seksyen 17 Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) untuk menyiasat dakwaan itu.

NRES melalui JAS turut menekankan kawalan ketat terhadap kemasukan *e-waste* ke Malaysia dan dilaksanakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta 127 serta selaras dengan peraturan antarabangsa seperti Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusan.

"Langkah kawalan ini termasuk pemeriksaan ketat di pintu masuk negara, kerjasama strategik dengan agensi berkaitan dan penggunaan teknologi pemantauan terkini bagi memastikan tiada kemasukan *e-waste* yang boleh menjejaskan alam sekitar atau kesihatan awam.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh..... 09 JAN 2025

NGO gagal laksana program PEKB disenarai hitam

Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyenarai hitam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang gagal melaksanakan program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB). Timbalan Menteri, Datuk Aiman Athirah Sabu, berkata tindakan berkenaan dilakukan sekiranya NGO berkenaan melanggar syarat kontrak, selepas mendapat dana menjalankan program PEBK.

Beliau berkata, sejak dilaksanakan pada 2013 hingga 2014 sebanyak 12 NGO pengendali dikesan melanggar syarat kontrak membabitkan pemalsuan dokumen bayaran, lewat membekalkan peralatan, tidak menjalankan sesi pemantauan hingga memberi laporan pendapatan bulanan palsu yang sepatutnya diraih peserta seperti ditetapkan kementerian.

Katanya, NGO terbabit sudah



Aiman Athirah bersama penerima sijil pada Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Pelaksanaan PEBK 2025 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

dipanggil memberikan penjelasan dan dikenakan tindakan, termasuk tidak diberi peluang mengendalikannya program.

"KPKT sentiasa memastikan setiap peserta menerima latihan keusahawanan berkualiti serta mendapat bimbingan secara berterusan bagi meningkatkan

kemahiran dalam menguruskan perniagaan sendiri," katanya pada Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Pelaksanaan PEBK 2025 di sini, semalam.

Pada majlis itu, sebanyak 29 NGO pelaksana dipilih menerima surat kelulusan dengan peruntukan RM11 juta bagi mem-

beri manfaat kepada 1,060 peserta daripada golongan B40 di seluruh negara.

Aiman Athirah berkata, NGO yang dilantik juga perlu memantau dan memastikan perniagaan peserta PEBK mampu menjana pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM750 mengi-

kut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Dalam pada itu, Aiman Athirah berkata, KPKT akan terus komited untuk memperkukuh kerjasama strategik bersama NGO dalam membasmi kemiskinan bandar dan peningkatan kesejahteraan masyarakat.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 09 JAN 2025

Didik kanak-kanak hargai alam sekitar penerus kehidupan lestari

BH
9/1

**Magtheelina
Sawari
anthananathan,**
Universiti
Pendidikan Sultan
Idris (UPSI)

Kesedaran alam sekitar merujuk kepada pemahaman dan tanggungjawab individu terhadap perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar.

Pendidikan awal kanak-kanak adalah fasa pembentukan asas penting dalam perkembangan mental, emosi dan sosial, sekali gus memberi pengenalan kepada kesedaran alam sekitar dan mempengaruhi cara mereka melihat dan berinteraksi dengan dunia sekitar.

Dengan mengetahui konsep kesedaran alam sekitar seperti kepentingan pemeliharaan alam dan penggunaan sumber daya secara bijak, kanak-kanak dapat mengembangkan sikap positif terhadap alam sekitar untuk lebih menghargai dan menjaga persekitaran mereka.

Selain itu, pendidikan untuk keseimbangan alam sekitar dapat mendidik kanak-kanak memahami dan mengamalkan gaya hidup lebih lestari pada masa depan.

Ini termasuk amalan penjimatan tenaga, pengurangan sisa makanan, penggunaan produk mesra alam dan memilih cara pengangkutan lebih mesra alam.

Seterusnya, ia dapat meningkatkan pemahaman mengenai isu alam sekitar. Melalui aktiviti seperti lawatan ke taman, pembelajaran di luar kelas atau menerusi pembacaan buku berkaitan alam sekitar, kanak-kanak akan lebih memahami ekosistem, haiwan, tumbuhan serta kepentingan menjaga alam sekitar.

Ia dapat memberikan asas kukuh bagi mereka untuk membuat keputusan lebih baik berkaitan penggunaan sumber alam seperti kitar semula.

Kanak-kanak dapat belajar mengenai penggunaan semula bahan, mengurangkan sisa dan menjaga kebersihan alam sekitar.

Selain itu, pendidikan awal dapat menggalak-

kan tanggungjawab sosial dan kesedaran alam sekitar. Ia juga berfungsi untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam diri kanak-kanak.

Mereka diajar mengenai peranan yang boleh dimainkan setiap individu dalam menjaga kebersihan, mengurangkan pembaziran serta mengitar semula bahan yang boleh digunakan semula.

Pembelajaran melalui pengalaman praktikal

Selanjutnya, pendekatan pembelajaran melalui pengalaman praktikal antara cara yang berkesan untuk mengajar kanak-kanak mengenai alam sekitar.

Aktiviti seperti berkebun, memungut sampah atau membuat projek kitar semula dapat membantu kanak-kanak memahami konsep diajarkan dengan lebih mendalam.

Akhir sekali, mendedahkan kanak-kanak ke-

pada konsep kesedaran alam sekitar sejak kecil dapat membentuk amalan murni.

Kanak-kanak yang dididik dari usia muda cenderung mengamalkan tingkah laku bertanggungjawab seperti mengitar semula, menjimatkan penggunaan air dan elektrik, serta menjaga kebersihan persekitaran mereka.

Amalan ini dapat diteruskan hingga dewasa, seterusnya membantu mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Kesedaran alam sekitar dalam pendidikan awal kanak-kanak penting untuk membentuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar sejak usia dini.

Ini bukan sahaja menggalakkan kelestarian ekosistem, tetapi juga membina pemahaman dan amalan berterusan dalam kehidupan mereka pada masa hadapan.



Pendekatan pembelajaran melalui pengalaman praktikal antara cara berkesan mengajar kanak-kanak mengenai alam sekitar. (Foto hiasan)

BERITA HARIAN
Tarikh..... **9 JAN 2025**.....

Langkah progresif pendigitalan majukan perkhidmatan awam

UIAM
BERBUAH

Oleh
Mahyuddin
Daud



PADA era digital kini, data merupakan suatu aset yang amat bernilai. 12 Disember 2024 merupakan tarikh keramat Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Perkongsian Data 2024. Ia merupakan satu langkah penting dalam usaha Malaysia memperkukuh pengurusan data sektor awam melalui penubuhan kerangka perundangan yang jelas dan sistematik.

Ia bertujuan untuk mengawalselia perkongsian data antara agensi sektor awam, memperkenalkan kawalan ketat terhadap penggunaan data serta memastikan keselamatan dan privasi maklumat.

RUU ini juga merangkumi penubuhan Jawatankuasa Perkongsian Data Negara, penetapan fungsi dan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara serta langkah-langkah perlindungan data semasa perkongsian dilakukan.

Salah satu aspek penting dalam Bahagian 1 ialah keperluan untuk memastikan semua data yang dikongsi adalah selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan arahan keselamatan rasmi yang dikeluarkan kerajaan.

Bahagian 2 memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Perkongsian Data Negara, sebuah badan yang bertanggungjawab menyelia dasar, strategi dan pelaksanaan perkongsian data. Jawatankuasa ini dipengerusikan ketua setiausaha kementerian yang berkaitan dengan hal ehwal digital, dengan keanggotaan terdiri daripada wakil pelbagai kementerian, Jabatan Perdana Menteri serta agensi keselamatan berkaitan.

Fungsi Jawatankuasa termasuk merumuskan dasar berkaitan perkongsian data, mengatasi isu pentadbiran, serta memastikan pelaksanaan undang-undang ini selaras dengan tujuan asalnya. Jawatankuasa juga mempunyai kuasa untuk menubuhkan



RANG Undang-Undang (RUU) Perkongsian Data 2024 adalah satu langkah proaktif dalam memastikan pengurusan data sektor awam yang lebih cekap, telus dan selamat. - DATA SCIENTIST

jawatankuasa kecil yang bertugas membantu dalam hal-hal teknikal atau pelaksanaan.

Bahagian 3 menumpukan kepada peranan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara sebagai pemegang tanggungjawab utama dalam menyelaraskan proses perkongsian data.

Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, mengawal selia permintaan data dan memastikan pematuan semua pihak terhadap undang-undang ini. Ketua Pengarah juga berperanan memastikan keselamatan data melalui penetapan mekanisme tertentu, termasuk kawalan teknikal terhadap proses perkongsian data.

Bahagian 4, bahagian terpenting dalam rang undang-undang ini, merangkumi proses dan syarat-syarat bagi perkongsian data. Agensi sektor awam yang ingin membuat permintaan data mesti menyatakan tujuan khusus, memastikan ia selaras dengan keperluan undang-undang serta memberikan jaminan teknikal terhadap keselamatan data.

Data hanya boleh dikongsi untuk tujuan seperti meningkatkan keberkesanan dasar awam, mengurangkan ancaman keselamatan atau menangani kecemasan awam.

Mana-mana data yang diminta akan dinilai oleh agensi pembekal data berdasarkan faktor seperti keselamatan, kerahsiaan dan



Data yang dikongsi hanya boleh digunakan untuk tujuan asal seperti yang dinyatakan dalam permintaan."

kepatuhan undang-undang lain yang berkaitan.

PERLINDUNGAN DATA

Perlindungan data menjadi aspek kritikal dalam rang undang-undang ini. Pembekal data diwajibkan memastikan semua data yang dikongsi diurus dengan teliti, termasuk mengambil langkah-langkah seperti penyulitan data, kawalan akses yang ketat dan pemantauan terhadap sebarang penggunaan tanpa kebenaran.

Sebarang pelanggaran terhadap syarat ini boleh dikenakan penalti yang berat, termasuk denda maksimum RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun. Selain itu, jika data melibatkan pihak ketiga, seperti dalam pemindahan atau analisis data, persetujuan bertulis mesti diperolehi daripada agensi pembekal dan pihak ketiga wajib mematuhi undang-undang yang sama.

Sekatan terhadap penggunaan data turut ditekankan. Data yang dikongsi hanya boleh

digunakan untuk tujuan asal seperti yang dinyatakan dalam permintaan. Mana-mana pegawai atau agensi yang menyalahgunakan data untuk tujuan lain akan dikenakan tindakan undang-undang. Perlindungan ini bukan sahaja menjaga kerahsiaan tetapi juga memastikan kepercayaan antara agensi yang terlibat.

Sebagai tambahan, perkongsian data terbuka dibenarkan dalam keadaan tertentu. Data yang boleh diakses secara umum oleh agensi sektor awam tidak memerlukan permintaan rasmi, tetapi masih tertakluk kepada kawalan keselamatan yang ketat. Ini bertujuan menggalakkan inovasi dan kerjasama tanpa menjejaskan privasi atau keselamatan maklumat.

Bahagian ini juga memperuntukkan kewajiban laporan berkala kepada Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara. Semua permintaan, maklum balas serta alasan penolakan data mesti direkodkan dan dilaporkan untuk memastikan ketelusan dalam proses perkongsian data. Langkah ini juga membolehkan audit dan penilaian dilakukan bagi mengesan sebarang pelanggaran.

Bahagian 5 mengandungi peruntukan am, termasuk kuasa penguatkuasaan bagi pegawai yang diberi kuasa, kewajiban kerahsiaan dan perlindungan undang-undang kepada pegawai yang

bertindak dalam kerangka undang-undang ini. Pegawai kerajaan yang mendedahkan data tanpa kebenaran boleh didakwa dan dikenakan hukuman berat.

Ciri utama RUU ini ialah tumpuannya terhadap keselamatan data dan integriti sistem digital negara. Dengan peruntukan seperti sekatan ketat terhadap penggunaan data, kewajiban perlindungan oleh pembekal dan penerima, serta kawalan ke atas pihak ketiga, undang-undang ini memberikan jaminan perlindungan yang tinggi terhadap data semasa perkongsian.

Langkah-langkah ini juga mengurangkan risiko penyalahgunaan atau akses tanpa kebenaran yang boleh menjejaskan keselamatan negara atau hak privasi individu.

PERANAN UNIVERSITI

Dalam ruang lingkup peranan sebuah universiti, institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) terlibat dalam aktiviti ilmiah yang didukung penggunaan data secara meluas.

UIAM menyumbang kepada peningkatan kecekapan, keselamatan dan inovasi dalam perkongsian data sektor awam, selaras dengan matlamat RUU.

Penglibatan aktif universiti dalam ekosistem ini bagi memastikan pengurusan data sektor awam yang lebih cekap, telus dan selamat selain memacu transformasi digital negara serta memastikan data dilindungi daripada ancaman atau penyalahgunaan.

Secara keseluruhan, RUU Perkongsian Data 2024 bukan sahaja memacu transformasi digital negara tetapi juga memastikan data dilindungi daripada ancaman atau penyalahgunaan.

Dengan pelaksanaan undang-undang ini, Malaysia dapat memperkukuh kedudukannya sebagai negara yang komited terhadap keselamatan digital dan penggunaan data yang bertanggungjawab.

DR. Mahyuddin Daud ialah Profesor Madya (Undang-Undang Siber) di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak Kampus.

Negara mampu sedia graduan berkemahiran teknologi, teknikal

Oleh AIMAN ALI
aiman.ali@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Negara tiada masalah melahirkan graduan berkemahiran teknologi dan teknikal seiring transformasi keperluan sektor industri dalam menggunakan kecerdasan buatan (AI).

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof. Datuk Mohammad Shatar Sabran berkata, mana-mana institut pengajian tinggi (IPT) juga diberikan kebebasan

untuk merombak kursus pengajian dengan menyesuaikan elemen AI di dalamnya.

"Masyarakat seharusnya peka dengan AI dan beradaptasi dengan kemajuan ini. Malah, perkara sama juga perlu dilakukan oleh IPT untuk mengikuti perkembangan semasa selari keperluan industri pada masa akan datang dengan mengaplikasikan AI di dalam kursus pengajian.

"MQA memberikan kebebasan kepada IPT untuk merombak dan memberikan elemen AI

di dalam kursus mereka mengikut kesesuaian.

"Namun, sekiranya IPT membuat perubahan melebihi kadar 30 peratus, maka MQA akan membuat pengauditan institusi terhadap rombakan tersebut berdasarkan ketetapan digariskan oleh Kod Amalan Audit Institusi (COPIA)," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, analisis terkini kerajaan dilaporkan lebih 30 peratus pekerjaan di Malaysia bakal dipengaruhi AI dalam tempoh 10 tahun akan datang

membabitkan sektor utama seperti pembuatan, perkhidmatan dan teknologi maklumat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang berkata, cabaran tenaga mahir di Malaysia memerlukan perhatian segera apabila statistik menunjukkan lebih 600,000 pekerja perlu menjalani latihan semula dalam tempoh tiga hingga lima tahun untuk kekal relevan.

Mohammad Shatar berkata, negara ketika ini juga mampu

nyai pakar yang mencukupi di IPT untuk melahirkan graduan yang berkemahiran dalam tempoh 10 tahun.

"Namun, kita juga tidak boleh melupakan proses latihan semula (*reskill*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) yang perlu dilakukan melalui seminar, bengkel agar mereka lebih bersedia.

"Pada sama juga, IPT perlu memperbanyak kerjasama dengan industri, agensi dan Kementerian sebagai pendedahan awal kepada graduan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:0.9 JAN 2025

Perkasa keselamatan dalam negeri untuk kesejahteraan rakyat



**MAZLAN
CHE SOH**

DUA tahun kepimpinan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail sebagai Menteri Dalam Negeri sejak dilantik pada 3 Disember 2022 menandakan era reformasi sistem keselamatan serta pengurusan dalam negeri yang berteraskan integriti dan keberkesanan.

Dalam tempoh ini, Saifuddin antara menteri yang paling banyak dihadapakan dengan fitnah. Antara dakwaannya ialah kononnya beliau memberi kewarganegaraan kepada 54,000 orang rakyat China, sedangkan hal ini tidak pernah berlaku.

Paling mutakhir adalah dakwaan kononnya Kementerian Dalam Negeri (KDN), khususnya Jabatan Penjara Malaysia, tidak melaksanakan Titah Adendum Yang di-Pertuan Agong ke-16 bertarikh 29 Januari 2024 yang didakwa membenarkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menjalani baki hukuman penjara di bawah tahanan rumah.

Hakikatnya, KDN tidak pernah menerima Titah Adendum tersebut. Sebaliknya, surat yang diterima daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), hanya menyatakan bahawa Najib akan diberi pembebasan awal pada 23 Ogos 2028, manakala jumlah denda dikurangkan kepada RM50 juta.

Walaupun berhadapan pelbagai cabaran, Saifuddin adalah antara menteri yang menunjukkan prestasi cemerlang. Dalam isu Titah Adendum, rekod membuktikan kejujuran beliau dalam melaksanakan tanggungjawab berdasarkan dokumen rasmi yang sah. KDN tidak boleh melaksanakan sesuatu yang tidak diterima dan ini membuktikan integriti pentadbiran beliau.

Peranan utama Saifuddin sebagai Menteri Dalam Negeri termasuk memastikan semua agensi penguatkuasaan undang-undang menjalankan tugas dengan efisien dan



KEPIMPINAN Saifuddin Nasution Ismail sebagai Menteri Dalam Negeri bagi tempoh dua tahun ini membawa pembaharuan dalam sistem keselamatan dan pengurusan dalam negeri. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

adil, menjamin keselamatan daripada ancaman dalam dan luar negara serta mengawal selia isu berkaitan imigresen, kewarganegaraan dan status penduduk tetap.

Bukan senang menjaga sembilan jabatan dan agensi besar di bawah KDN, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). Namun begitu, beliau menguruskan semuanya dengan baik.

PENINGKATAN KEAMANAN NEGARA

KDN ketika ini berjaya meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Keamanan Global (GPI) 2024 ke tangga ke-10, naik sembilan anak tangga daripada tahun sebelumnya. Ini adalah pencapaian luar biasa memandangkan populasi Malaysia jauh lebih besar berbanding negara-negara lain dalam kedudukan 10 teratas.

Kedudukan Malaysia dalam Laporan Perdagangan Orang (TIP) Amerika Syarikat (AS) juga menunjukkan trend

peningkatan. Pada 2022, Malaysia berada di tahap ketiga. Setahun kemudian, kita naik ke tahap 2 (senarai pantauan) tetapi dengan kepimpinan Saifuddin membawa Malaysia keluar daripada tahap tersebut kepada tahap 2 dalam penilaian terkini pada 2024.

PENAMBAHBAIKAN SISTEM IMIGRESEN

Saifuddin memperkenalkan pembaharuan besar dalam sistem imigresen termasuk mempercepatkan proses permohonan visa dan penggunaan teknologi canggih untuk mengesan aktiviti haram di sempadan negara. Selain itu, perkhidmatan di pintu masuk negara seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ditambah baik dengan penempatan pegawai berkemahiran bahasa dan pengenalan mesin pencetak pasport berkapasiti tinggi.

KDN di bawah Saifuddin juga berjaya meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) bagi menjadikan sistem penyampaian di pintu masuk dan sempadan negara lebih cekap dan pantas, menambahkan kutipan hasil negara, meningkatkan koordinasi antara agensi dan menghapuskan ketirisan serta isu integriti.

PEMERKASAAN PENGURUSAN KEWARGANEGARAAN

Pimpinan beliau juga berjaya mempercepatkan pemrosesan permohonan kewarganegaraan, mencapai sasaran 10,000 keputusan pada 2023 dan 2024. Program Menyemai Kasih Rakyat (Mekar), program turun padang JPN untuk urusan pengeluaran dokumen pengenalan diri seperti MyKad dan sijil kelahiran kepada golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas, pesakit terlarat dan mereka yang tinggal di pedalaman, juga diperhebatkan.

Beliau juga memainkan peranan penting dalam meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memperkemas peruntukan kewarganegaraan, termasuk menunaikan janji untuk memastikan kanak-kanak lahir di luar negara kepada ibu Malaysia mendapat kewarganegaraan. Hasil komitmen beliau mengadakan begitu banyak sesi libat urus, RUU pindaan Perlembagaan Persekutuan ini mendapat persetujuan rentas parti di Parlimen.

MENANGANI ANCAMAN DADAH

Satu lagi RUU signifikan yang diluluskan di Parlimen hasil inisiatif KDN ialah RUU Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan)

2024 yang memperluaskan akses rawatan dan pemulihan, khususnya secara sukarela dalam kalangan penagih atau penyalahgunaan dadah. Usaha menurunkan masalah penagihan dadah dengan menukar Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) menjadi Kawasan Berisiko Rendah (KBR) dan Kawasan Bebas Dadah (KBD) semakin dipergiatkan, dengan sasaran menukar 78 daripada 155 KBT menjadi KBR dan KBD.

INISIATIF PENJAGAAN TAHANAN DAN PEMULIHAN

Beliau memperkenalkan Baitul Mahabbah untuk menyediakan tempat lebih kondusif bagi tahanan kanak-kanak. Beliau juga menjenamakan semula Jabatan Penjara sebagai pusat pembangunan peradaban manusia dengan menekankan pendekatan pemulihan melalui program parol dan pelepasan banduan secara berlesen.

PENURUNAN KADAR JENAYAH

Kadar jenayah indeks di Malaysia juga menurun secara signifikan, daripada 149 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada 2023 kepada 72 kes sehingga Jun 2024. Ini melebihi sasaran yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu 238 kes jenayah indeks bagi setiap 100,000 penduduk. Masa respons polis terhadap kes kecemasan melalui panggilan talian kecemasan negara, MERS juga meningkat daripada 13 minit kepada 11 minit dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

Dua tahun pentadbiran Saifuddin di KDN membuktikan beliau seorang pemimpin yang berwibawa dan progresif. Usaha kerasnya wajar dihargai sebagai langkah penting dalam memastikan Malaysia kekal aman, berdaulat dan selamat.

Ini selaras dengan visi KDN untuk memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaulat dan selamat. Begitu juga misinya untuk menjamin keselamatan dalam negeri dan kesejahteraan rakyat.

DR. Mazlan Che Soh ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan.

LHDN perkenal sistem baharu potong cukai

AM 9/1

PUTRAJAYA: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memperkenalkan sistem perkhidmatan Potongan Cukai Bulanan (PCB) baharu, e-PCB Plus, bagi menggantikan sistem sedia ada iaitu e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 di bawah satu platform menerusi portal MyTax.

LHDN dalam kenyataan memaklumkan, pelaksanaan itu seiring pelan peralihan ke arah sistem e-PCB Plus Fasa 1 yang bermula pada 24 September tahun lalu.

Jelasnya, ia membabitkan fungsi pendaftaran peranan Majikan, Wakil Majikan dan Pentadbir PCB di MyTax dan Wakil Pentadbir di e-PCB Plus bagi seluruh majikan yang terbabit PCB.

"Susulan pelaksanaan sistem perkhidmatan baharu ini, majikan diminta untuk menyelesaikan semua pengemukaan data dan bayaran PCB bagi potongan bulan semasa atau potongan tahun kebelakangan pada atau se-

belum 15 Januari ini," katanya.

LHDN berkata, mulai 15 Januari ini, sistem PCB sedia ada hanya dibuka untuk tujuan paparan sahaja bagi membolehkan majikan membuat semakan terhadap maklumat atau rekod PCB terdahulu.

Katanya, fungsi lain seperti pengisian, pengiraan dan bayaran PCB akan ditutup sepenuhnya.

"Pelaksanaan sistem e-PCB Plus sepenuhnya akan dimaklumkan sebelum dibuka secara rasmi bagi kegunaan seluruh majikan dan pengguna," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, LHDN menyarankan agar majikan yang sedang menggunakan sistem e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 dan masih belum membuat pendaftaran peranan di sistem e-PCB Plus untuk menyelesaikan semua pengemukaan berkaitan dengan segera bagi melancarkan proses peralihan berkenaan.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:0.9..JAN.2025...

Minat membeli pada 2025 kekal sihat, positif

PETALING JAYA: Minat membeli pada 2025 dijangka kekal sihat berikutan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 3.0 peratus dan prospek pasaran hartanah di Malaysia kekal positif, kata MIDF Research.

Firma penyelidikan itu berkata, permohonan pinjaman lebih tinggi pada 11 bulan pertama 2024.

Menurut data yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), jumlah permohonan pinjaman untuk pembelian hartanah menurun sedikit kepada RM55.3b (-2 peratus bulan ke bulan) pada November 2024 selepas peningkatan +15 peratus bulan ke bulan pada Oktober 2024.

"Secara tahunan, jumlah permohonan pinjaman pada November 2024 terus menunjukkan pertumbuhan sebanyak +14 peratus tahun ke tahun berbanding dengan peningkatan +4 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2024. Ini menjadikan

jumlah permohonan pinjaman pada 11 bulan pertama 2024 lebih tinggi kepada RM587.7 bilion (+4.8 peratus tahun ke tahun).

"Peningkatan permohonan pinjaman ini menunjukkan bahawa minat membeli hartanah adalah menggalakkan," katanya dalam nota penyelidikan.

Dalam pada itu, MIDF Research berkata, pinjaman yang diluluskan lebih tinggi selaras dengan jualan hartanah baharu yang lebih tinggi.

Jelasnya, pinjaman yang diluluskan untuk pembelian hartanah menurun sebanyak -10.8 peratus bulan ke bulan kepada RM21.7 bilion pada November 2024 selepas peningkatan +11.5 peratus pada Oktober 2024.

"Penurunan mendalam dalam pinjaman yang diluluskan ini adalah terutamanya disebabkan oleh kadar kelulusan pinjaman yang lebih rendah sebanyak 39.3% pada November 2024 berbanding 43.2 peratus pada Oktober 2024.

"Secara tahunan, pinjaman yang diluluskan terus meningkat untuk bulan kelima berturut-turut, dengan pertumbuhan sebanyak +4.5 peratus tahun ke tahun pada November 2024.

"Ini menjadikan jumlah pinjaman yang diluluskan pada 11 bulan pertama 2024 lebih tinggi kepada RM259.6b (+6.7 peratus tahun ke tahun). Peningkatan pinjaman yang diluluskan ini selaras dengan jualan hartanah baharu yang lebih baik secara amnya oleh pemaju hartanah," katanya.

Sementara itu, kadar kelulusan pinjaman menunjukkan sedikit perubahan kepada 44 peratus pada 11M2024 berbanding 43.3 peratus pada 11 bulan pertama 2023.

MIDF Research berkata, syarikat hartanah mencatatkan prestasi cemerlang pada tahun 2024 dengan Indeks Hartanah Kuala Lumpur mencatatkan keuntungan sebanyak +31.5 per-

tus, mengatasi keuntungan Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) yang hanya +12.9 peratus.

"Prestasi positif ini disebabkan oleh penurunan lebihan hartanah di Malaysia, pemulihan minat membeli hartanah, jualan hartanah baharu yang lebih baik serta ketelusan pendapatan, peningkatan pelaburan dalam pusat data dan pembangunan hartanah industri yang membuka nilai tanah simpanan, serta pasaran buruh yang stabil.

"Selain itu, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura (RTS) yang akan datang juga meningkatkan sentimen pelabur," katanya.

Sementara itu, lima kaunter hartanah yang mencatatkan prestasi terbaik pada 2024 adalah WMG Holdings Bhd (+275 peratus), Tanco Holdings Berhad (+235 peratus), Sime Darby Property Berhad (+177 peratus),

Mah Sing Group Berhad (+124 peratus) dan Crescendo Corporation Berhad (+116 peratus).

"Pemain lain yang mencatatkan prestasi baik termasuk Eco World Development Group (+110 peratus) dan S P Setia (+84 peratus).

"Seiring dengan prestasi cemerlang kaunter hartanah, penilaian Indeks Hartanah KL telah meningkat sedikit melebihi purata," katanya.

Firma penyelidikan itu berkata, indeks Hartanah KL kini dinagakan pada nisbah harga kepada buku 0.72x, melebihi purata jangka panjang sebanyak 0.66x tetapi masih di bawah purata +1SD sebanyak 0.87x.

"Secara keseluruhan, kami berpendapat bahawa penilaian Indeks Hartanah KL adalah wajar pada tahap semasa di tengah-tengah kitaran naik hartanah yang disokong oleh prospek yang semakin baik serta pemangkin seperti JS-SEZ dan RTS," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 9 JAN 2025

Heaps of illegal e-waste worry

A crime, corruption and abuse of power story?

ONE would have thought that all officers of the Department of Environment (DoE) would care for the environment. Not the ones that the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) has been investigating, it seems. Not a few, but several officers were involved in an attempt to get containers filled with electronic waste (e-waste) released from Westport in Port Klang "without clear authority and reasonable justification", said EAIC on Monday. That is not all. Instead of speeding up the investigation, the department significantly delayed the probe. EAIC attributed this to supervisory weaknesses, warning that such delays could lead to environmental pollution and government losses. Little wonder the release of e-waste without authority goes unnoticed so easily.

An overwhelming question needs asking: are cartels turning Malaysia into a wasteland? Because this is not the first time containers filled with e-waste from developed countries have landed here. Between Aug 17 and Oct 4, the Customs Department seized 107 containers filled with more than 2,118 tonnes of e-waste that were brought into Malaysia illegally. To escape detection, the importers falsely declared the e-waste to

A penalty of a few hundred thousand ringgit is peanuts to cartels.

be all things aluminium. It is now a police case, with the Customs Department hinting at the possibility of syndicates at work here. In just 48 days, 107 containers of illegal e-waste can't just be a case of crass commerce, can it? In December 2022, the DoE disclosed that 31 containers filled with e-

waste were detained at Westport in the year. Some of the countries of origin were the United States, Spain, Australia, Belgium and Japan. Maybe these countries are not getting the message that Malaysia isn't a dumping ground for their e-waste. The Basel Convention on The Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal is clear: all scheduled movements of e-waste must have prior approval before it is exported or imported.

Despite the Basel Convention's strictures, the ceaseless arrival of e-waste containers at Westport and other ports indicates systemic issues. The authorities must ask themselves: why is it so easy to bring the e-waste illegally into Malaysia? We put forth two reasons. First, importers — or are they members of cartels? — who falsely declare e-waste to be something else are being let off with a slap on the wrist. A penalty of a few hundred thousand ringgit is peanuts to cartels. Second, there appears to be a link between e-waste imports and illegal e-waste processing plants mushrooming around the country. Some of these were found to be run by criminal gangs from China, as raids by police and regulators have revealed. In July, regulators shut down two factories operated by Chinese gangs in Kedah — one processing e-waste and the other plastic waste, both imported into the country illegally. In September, the police raided six such premises in Klang, Selangor and seized RM41 million worth of processed metals. Some of the factories make over RM10 million a month, reason enough for over 200 illegal e-waste processing plants to set up shop here. But why Malaysia? Because there are enough errant regulators here to make it a cartel land.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 09 JAN 2025

'Open public parks until late to promote healthy lifestyle'

► Move would allow those with demanding work schedules to exercise and engage in stress-reducing activities, says specialist

■ BY DEEPAKSHMI MANICKAM
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: According to a research paper titled "The Growing Threat of Non-Communicable Diseases in Malaysia," the probability of dying from non-communicable diseases is expected to rise to 19.4% this year and 20% by 2030.

The paper, co-authored by Shubash Shander Ganapathy, Chan Yee Mang, Nur Hamizah Nasaruddin, Nazirah Alias, Khaw Wan Fei, Lee Ann Tan and Tham Sin Wan, said the rise is driven by increases in cancer and diabetes deaths, and the high and sustained figures expected in cardiovascular deaths.

Considering this, Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh has called for public parks to remain open until late at night to cater to the needs of working Malaysians, and address rising health issues caused by lack of exercise.

"Access to public parks for activities such as exercise can reduce stress and lower the risk of heart disease by 33%. It can also decrease the risk of dementia by 30% to 40%."

"For those with demanding work schedules, extending the hours for public parks would provide much-needed opportunities for exercise and relaxation, contributing to better mental and physical health."

Sharifa Ezat said given the high prevalence of non-communicable



Sharifa Ezat said while affluent groups can afford private facilities, those in middle and lower income brackets rely on public parks as an accessible and free option for exercise. — ADAM AMIR HAMZAH/THE SUN

diseases in Malaysia, public parks should be open until at least midnight, and equipped with clean and safe amenities such as toilets and lighting to encourage use.

"While higher-income groups can afford gym memberships or private recreational facilities, those in middle and lower-income brackets, and others with health conditions often rely on public parks as an accessible and free option for exercise."

"Unfortunately, urban development has led to fewer public parks, forcing many Malaysians to travel long distances for recreational spaces."

She said to maintain cleanliness and safety, it is reasonable to introduce nominal fees for park usage or seek corporate sponsorship, with many developed countries having successfully implemented similar models.

Sharifa Ezat also called for improved safety measures such as

CCTV surveillance, adequate lighting, and enforcement to prevent the misuse of parks for illicit activities.

She emphasised that parks in urban and semi-urban areas are particularly suited for extended hours as such spaces are essential for public health, but they must be kept safe and well-maintained.

"It may be costly for the government to manage public parks, but investing in them is akin to investing in people's health."

"Public parks are more than just green spaces. They are vital to our collective health, and by extending their hours, we can foster healthier, happier communities."

Nurse Nor Hidayah Abdul Shamsul, 28, who works shifts, said she only has time to relax or exercise at night.

"Parks are perfect for me because they're free and offer fresh air, but most are already closed by the time I get there."

"Stress management is crucial for nurses, and a simple walk or jog in the park helps clear the mind after a long shift. But with the limited hours, I miss out on this simple method to unwind and stay healthy."

Factory supervisor Farhan Malik, 42, said he works long hours and does not have the energy to work out early in the morning.

"Late-night walks in the park are my only way to stay active."

"I'm at an age when staying physically active is crucial. But between work and family commitments, I can only spare time for exercise late in the evening, but the parks are closed by then."

He added that public parks could play a vital role in encouraging fitness for those in his situation as not everyone can afford gym memberships or private facilities.

"If parks were open longer and equipped with good facilities, many working Malaysians, including myself, would benefit greatly."

THE SUN

Tarikh: 09 JAN 2025